

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 NOVEMBER 2016

# PM mahu ramai rakyat sertai e-dagang

BH - 10/11/2016

➔ Pakej, insentif menarik dirangka dalam Zon Perdagangan Bebas Digital pertama dunia

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

**M**alaysia dalam proses merangka pakej dan insentif menarik bagi mengajak lebih ramai menyertai e-dagang dalam Zon Perdagangan Bebas Digital pertama di dunia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, penyediaan pakej e-ekonomi dan peraturan berkaitan bagi pelaksanaan zon berkenaan dibangunkan dengan kerjasama ikon global dalam bidang e-dagang yang juga Penasihat Ekonomi Digital Malaysia, Jack Ma.

"Ketika lawatan saya ke China baru-baru ini dan bertemu Jack Ma, beliau secara spontan menerima pelantikan sebagai Penasihat

Ekonomi Digital kita. Beliau akan datang ke Malaysia Mac ini yang mana kerajaan akan melancarkan Zon Perdagangan Bebas Digital.

## Rancakkan ekonomi digital

"Kita harap selepas ini, ramai terlibat dengan e-dagang, seterusnya merancakkan lagi ekonomi digital negara," katanya dalam sembang santai ketika menjawab soalan usahawan e-dagang, Umarul Ariffin Jeffri, 21, pada majlis penutup Persidangan Daya eUsahawan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Ketua Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Yasmin Mahmood. Perdana Menteri kemudian me-

lancarkan program ekosistem e-dagang dikenali eU@Marketplace, inisiatif MDEC dengan kerjasama tujuh pusat jual beli dalam talian untuk membantu usahawan digital memperluas dan mempelbagaikan peluang ke pasaran lebih luas di peringkat global.

Program dengan kerjasama Lelong.my, 11street.my, AVANA, EasyStore, AmaxMall, MyBazaar dan Shopee itu beroperasi sejak Julai lalu, juga membolehkan usahawan menjalankan perniagaan dalam satu jaringan sistem yang khusus dan fokus.

Terdahulu, Najib yang tampil santai dari belakang pentas, menanggalkan jaket untuk kekal berkemeja putih bagi menyertai acara dihadiri 3,000 peserta itu. Yang turut bersama di pentas adalah Umarul Ariffin, usahawan cermin gelap

kenderaan dan usahawan jamu Susuk Dara, Anis A'dilah Noor Azaman.

## Tingkat pendapatan

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Perdana Menteri berkata, e-dagang berpotensi meningkatkan pendapatan usahawan antara 40 hingga 50 peratus setahun berbanding empat hingga lima peratus menerusi perniagaan konvensional, sekali gus mampu membawa perubahan paradigma kepada masyarakat.

"Dalam erti kata lain, ekonomi digital kini sudah menggantikan ekonomi konvensional. Kalau dahulu kita buka kedai runcit, kini sudah diambil alih peranannya oleh pasar raya besar. Dahulu kita beli buku di kedai buku, sekarang beli di laman Amazon," katanya.